



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal Bumiputera di Negeri Johor yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi pembekalan berikut:

BIL.	NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
1.	MAIJ 3/901/2 (11/2026)	MEMBEKAL, MENCETAK, DAN MENGHANTAR PAMPHLET & RISALAH ZAKAT DAN BAITULMAL TAHUN 2027 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	RM30.00 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	Syarikat / Pembekal di Negeri Johor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 221601 – Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) berstatus “PATUH
2.	MAIJ 3/901/2 (12/2026)	MEREKABENTUK, MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KALENDAR TAHUN 2027 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	RM30.00 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) berstatus “PATUH
4.	MAIJ 3/901/2 (13/2026)	MEREKABENTUK, MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR RESIT, BORANG DAN KEPERLUAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 2027 / 1448H MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	RM30.00 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	Syarikat / Pembekal di Negeri Johor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 221601 – Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar DAN 020801 – Pakaian DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) berstatus “PATUH

1. Syarikat **DIWAJIBKAN** membawa **SESALINAN** sijil pendaftaran syarikat & syarikat bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) beserta sijil pendaftaran syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus "PATUH" semasa pembelian dokumen Sebut Harga.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Johor Bahru dari jam 9.00 pagi – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari, 2.45 petang – 4.00 petang (Jumaat). Sekiranya penyebutharga ingin mewakili bagi pembelian dokumen, wakil penyebutharga tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama **Surat Perwakilan Syarikat** dan **Cop syarikat**. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian borang tersebut sekiranya dokumen-dokumen di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
3. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
4. Tarikh tutup Sebut Harga: **28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)** sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Sebut Harga dan Perihal Sebut Harga di sudut sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Aras 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
6. Penyebutharga akan menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
7. Penyebutharga juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan** dan **Resit Bayaran Zakat terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
8. Mana-mana penyebutharga yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,

Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam Negeri Johor



11 0 SEP 2026